

MMIP Services Sdn. Bhd.

MMIP Services Sdn.Bhd. (MSSB) adalah salah sebuah subsidiari MNRB Holdings Berhad (MNRB). Ia diperbadankan pada 23 Mac 2006.

Pada 12 April 2006, Syarikat telah memulakan perniagaan mengurus Gemblengan Insurans Motor Malaysia (MMIP atau Pool), dana yang diwujudkan oleh syarikat insurans yang berdaftar di bawah Akta Insurans 1996. Gemblengan ini diwujudkan untuk menyediakan insurans motor kepada pemilik kenderaan yang tidak dapat memperoleh perlindungan untuk kenderaan mereka.

Berikutan penubuhannya, kewajipan dan fungsi Pengurus Pentadbiran bagi Gemblengan ini dipindahkan daripada Malaysian Reinsurance Berhad kepada MSSB.

Pejabat berdaftar bagi MSSB terletak di Tingkat 6, Bangunan Malaysian Re, No. 17 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur. Buat masa ini, pengoperasiannya dikendalikan oleh tujuh (7) orang kakitangan yang dipinjamkan daripada Malaysian Reinsurance Berhad.

Kewajipan dan fungsi MSSB, termasuk inter alia mengendalikan pentadbiran, akaun, pelaburan gemblengan ini serta rundingan tuntutan dan penyelesaian. Bagi rundingan dan penyelesaian tuntutan, MSSB diberi mandat untuk menyelesaikan kesemua tuntutan kecederaan tubuh badan dan kematian sehingga RM50,000.00 setiap satu. Tuntutan yang melebihi jumlah yang dinyatakan di atas dirujuk kepada Majlis MMIP untuk keputusan.

MSSB turut bertanggungjawab untuk bertindak sebagai Setiausaha bagi kesemua mesyuarat Majlis MMIP's dan menyimpan rekod, minit dan untuk melaksanakan kesemua fungsi dan kewajipan yang Majlis MMIP mungkin tugaskan.